

PROGRAM RAIKAN GURU BERSAMA PROTON EON
PEMBIAYAAN KENDERAAN-i BANK RAKYAT
TERMA DAN SYARAT BANK RAKYAT

Terma dan Syarat ini adalah terhad kepada kempen yang ditawarkan oleh Bank Rakyat sebagai salah satu (1) Rakan Kerjasama bagi Program Hari Guru Bersama Proton EON.

Dengan menyertai program ini, peserta hendaklah membaca dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat Bank Rakyat di sini dan bersetuju untuk terikat dan menerima Terma dan Syarat Bank Rakyat yang terkandung di sini.

A. Syarat-syarat Kelayakan

- 1) Program ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat yang terdiri daripada warganegara Malaysia dari sektor Pendidikan dan memohon produk Pembiayaan Kenderaan-i Bank Rakyat yang telah diluluskan dan dilakukan pengeluaran sahaja sepanjang tempoh program berlangsung KECUALI:
 - i. Warga kerja Bank Rakyat; atau
 - ii. Pelanggan Bank Rakyat yang mempunyai sebarang tunggakan, kemungkaran atau tindakan guaman atas mana-mana kemudahan pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat.
- 2) Mekanisme penyertaan
 - i. Berkonsepkan Langgan dan Menang.
 - ii. Kelayakan hanya terbuka kepada:
 - a. Permohonan Pembiayaan Kenderaan-i yang telah diluluskan dan pengeluaran dilakukan semasa tempoh program berlangsung.
 - b. Pembelian kenderaan jenama Proton di rangkaian Pengedar Kenderaan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) yang disenaraikan di bawah:
 - I. Proton EON – Alor Setar
 - II. Proton EON – Jalan Maklloom, Pulau Pinang
 - III. Proton EON – Kota Bharu
 - IV. Proton EON – Juru
 - V. Proton EON – Taiping
 - VI. Proton EON – Damansara
 - VII. Proton EON – Glenmarie
 - VIII. Proton EON – Banting

- IX. Proton EON – Batu Pahat
- X. Proton EON – Larkin

- iii. Penyertaan adalah secara AUTOMATIK apabila pelanggan membuat permohonan pembiayaan sepanjang tempoh program berlangsung.
 - iv. **Satu (1)** permohonan pembiayaan dalam tempoh program layak mendapat satu (1) penyertaan sahaja.
- 3) Penyertaan program ini adalah tertakluk pada kelulusan Bank Rakyat sepenuhnya dan juga terma dan syarat yang terkandung di sini.
- 4) Bank Rakyat boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan pembiayaan dan penyertaan program ini.

B. Tempoh Program

- 1) Tempoh program bermula dari 01 Mei 2024 – 31 Julai 2024.
- 2) Pihak Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tarikh dan tempoh program sekiranya perlu.

C. Hadiah Program

- 1) Hadiah program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang	Jumlah Hadiah
Pertama	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM10,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM50,000.00
Kedua	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM2,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM10,000.00
Ketiga	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM1,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM5,000.00
Saguhati	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM100.00 x 2 pemenang x 5 wilayah	10	RM1,000.00
Jumlah			RM66,000.00

- 2) Pemenang hendaklah membuka Akaun Pelaburan-i Rizq Plus di cawangan pilihan pemenang (jika masih belum mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus).
- 3) Setiap pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh program.

- 4) Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu) dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank Rakyat.
- 5) Hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga.
- 6) Tuntutan hadiah hanya boleh dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh makluman (melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman web rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel) diterima daripada Bank Rakyat di mana-mana cawangan Bank Rakyat atau lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Bank Rakyat.
- 7) Selepas tamat tempoh (6) bulan dari tarikh makluman (melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman web rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel) diterima daripada Bank Rakyat, tuntutan hadiah adalah terbatal serta-merta dan secara automatik gugur kelayakan untuk tuntutan hadiah.

D. Pemilihan Pemenang

- 1) Pemilihan pemenang akan dilaksanakan selepas tempoh program tamat.
- 2) Undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh program.
- 3) Jawatankuasa penentuan pemenang adalah ditetapkan oleh Bank Rakyat untuk program ini.
- 4) Pemenang akan dihubungi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman web rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel. Pihak Bank Rakyat TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi kembali Bank Rakyat bagi urusan tuntutan hadiah.
- 5) Bank Rakyat boleh membatalkan hadiah bagi pemenang yang gagal dihubungi/memberi maklum balas untuk tujuan pengesahan (sekiranya perlu) dalam masa 30 hari selepas pengumuman rasmi pemenang dibuat.
- 6) Bank Rakyat boleh memilih pemenang yang layak dari senarai menunggu / simpanan sekiranya pemenang yang telah dipilih tidak dapat dihubungi, enggan menerima hadiah dan lain-lain alasan munasabah yang membolehkan pihak Bank Rakyat untuk memilih pemenang lain daripada senarai menunggu / simpanan.

- 7) Semua keputusan pemenang adalah **muktamad** dan sebarang surat-menyerat, bantahan dan rayuan tidak akan dilayan.

E. Lain-Lain

- 1) Dengan menyertai program ini, peserta/pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dirujuk di laman sesawang Bank Rakyat.
- 2) Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemenang untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
- 3) Dengan menyertai program ini, peserta/pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama peserta/pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
- 4) Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa di laman web bank atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian. Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
- 5) Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
- 6) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang bersesuaian.
- 7) **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PEMOHON ATAU**

MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM PROGRAM INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PEMOHON TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

- 8) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
- 9) Dengan menyertai program ini, peserta/pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
- 10) Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat.